

BAHASA MELAYU PEMAHAMAN TAHUN 4

pemahaman – Bahagian A

Soalan 1 hingga 8

30

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. "_____ berkenan untuk menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Ikhsan bersama-sama penduduk kampung," kata Sultan Fateh.
A Patik
B Hamba
C Saya
D Beta
2. Jururawat dari _____ akan melawat ke setiap rumah bagi memeriksa tahap kesihatan penduduk kampung.
A Pejabat Pendidikan Daerah Kampung Paya
B Kedai Makan Faris
C Klinik Kesihatan Kampung Paya
D Sekolah Kebangsaan Kampung Paya
3. Murid-murid SJKC Desa Aman mendapat tempat _____ dalam Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi.
A kedua
B kedua-dua
C dua per empat
D separuh

4. Saya berasa _____ melihat sikap segelintir rakyat Malaysia yang suka membuang sampah di merata-rata tempat.
- A rindu
 - B terkejut
 - C gembira
 - D kecewa
5. _____ sisa toksik ke dalam sungai boleh menyebabkan pencemaran.
- A Pembuangan
 - B Terbuang
 - C Dibuang
 - D Membuang
6. Wardina membawa bekal ke sekolah _____ menjimatkan perbelanjaan.
- A jika
 - B apabila
 - C untuk
 - D dan
7. Mak Cik Hasnah membantu suaminya mencabut _____ yang ditanam di tepi rumah untuk dijual.
- A bebawang
 - B kekabu
 - C bebola
 - D lelangit

8. Ibu mengeluarkan sebiji kek coklat dari dalam _____.
- A peti besi
 - B peti sejuk
 - C peti kecemasan
 - D peti cadangan

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.

Pilih penjodoh bilangan yang sesuai.



9. Gauri memakai se_____ baju kurung yang dipinjam daripada Hanis.
- A helai
 - B keping
 - C buah
 - D pasang
10. Karl sering membantu bapanya menjual ayam goreng di pasar malam.
Pilih simpulan bahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas.
- A ringan tulang
 - B berat tulang
 - C berat hati
 - D hati batu

II. *Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.*

- I Sebuah masjid akan didirikan di kawasan yang luas itu.
 - II Mereka bermain layang-layang di tempat yang luas.
 - III Seluar yang dipakai adik itu luas kerana milik kakak.
 - IV Jalan di lebuhraya itu lebih luas berbanding jalan di kampung.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

12. *Pilih ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.*

Pembuangan sisa makanan terus ke lubang sinki boleh menyebabkan sinki tersumbat.

- A Siapakah yang membuang makanan ke lubang sinki?
- B Di manakah sisa makanan itu dibuang?
- C Mengapakah sisa makanan itu dibuang di lubang sinki?
- D Apakah kesan pembuangan sisa makanan terus ke lubang sinki?

13. *Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.*

Siapakah yang perlu dihubungi jika berlaku kecurian?

- A Pihak polis terlibat dalam kejadian mencuri itu.
- B Pihak polis perlu dihubungi sekiranya berlaku kecurian.
- C Pihak polis datang ke tempat yang berlaku kecurian itu.
- D Seorang lelaki telah menghubungi pihak polis kerana kecurian telah berlaku.

Soalan 14 dan 15

pilih ayat yang betul.

14. A Baju hujan itu diperbuat daripada bahan kalis air.
B Ayah menggantungkan Jalur Gemilang kepada tiang bendera.
C Johan mengutip sampah lalu dimasukkan pada plastik hitam.
D Ibu menyimpan pisau dan gunting dari dalam laci.
15. A Encik Tan memandu kereta dengan cermat.
B Julian hanya berjalan kaki ke sekolah kerana jaraknya sangat jauh.
C Cikgu Kamil menasihati murid-murid supaya berjalan dengan gopoh ketika di tangga.
D Kereta itu perlahan melanggar Mak Cik Salmah.

Pemahaman – Bahagian B

- A Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.



supaya	untuk	kerana	dengan
jika	tetapi	lalu	dan

Pelan laluan kecemasan mempunyai pelbagai fungsi, antaranya adalah _____ menyelamatkan diri ketika berlaku kebakaran. Di sekolah, latihan kebakaran diadakan sebanyak dua kali.

Guru-guru mestilah menerangkan pelan tersebut seperti kedudukan pintu _____ laluan yang selamat digunakan kepada murid-murid _____ murid-murid tidak cemas _____ kebakaran berlaku.

- B Pilih perkataan yang paling sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.



pendek	curiga	gembira	rindu
besar	kecil	panjang	cemas

- (i) Mereka memakai baju dan seluar yang _____ semasa mendaki bukit supaya tidak digigit nyamuk.
- (ii) Bas mempunyai saiz yang lebih _____ berbanding kereta.
- (iii) Ramona berasa _____ apabila brek basikal yang ditunggang mengalami masalah.
- (iv) Pemberian gula-gula daripada lelaki bertopi itu kepada murid-murid di pondok bas itu membuatkan Pak Cik Rahim berasa _____.
- (v) Priya berasa _____ apabila melihat baju perkahwinannya dibuat dengan kemas dan cantik.

C Tulis ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

8

(i) Alya : _____
_____?

Ibu : Kita perlu minum air yang cukup untuk mengatasi masalah kehilangan air dalam badan.

(ii) Ravi : _____
_____?

Joshua : Aktiviti yang saya lakukan untuk kekal cergas ialah makan makanan yang seimbang, selalu bersenam dan mendapatkan rehat yang cukup.

D Tulis jawapan yang sesuai bagi soalan yang diberi.

8



Bagaimanakah cara untuk berbakti kepada ibu bapa?



E Lengkapi frasa berikut supaya menjadi peribahasa.

8

(i) Bagai pinang _____

(ii) Seperti isi _____

F Tulis BETUL atau SALAH bagi penggunaan perkataan yang bergaris dalam ayat.

	5
--	---

(i) Walaupun sudah empat tahun tinggal di Australia, Raisya tetap merindui tanah air.

--

(ii) Rakyat Malaysia berbangga dengan kejayaan ahli bomba yang telah berjaya menyelamatkan kucing tersepit itu.

--

(iii) Rumah menginap itu sangat kotor dan tidak selesa untuk diduduki.

--

(iv) Kami akan sertai larian amal itu.

--

(v) Ayah membaiki menyalurkan paip yang tersumbat.

--

G Tandakan (✓) di dalam petak jawapan yang betul. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

	8
--	---

Esok merupakan hari pertama

sesi persekolahan	sesi kaunseling
✓	

setelah lebih

sebulan bercuti. Amir menggosok seluar dan

baju sekolah	baju tidur

. Kemudian,

dia menyusun buku-buku dan

meja tulis	alat tulis

yang ingin dibawa ke dalam

beg tangan beg sekolah . Jam dinding Jam tangan menunjukkan pukul 10.00 malam.

beg tangan	beg sekolah	Jam dinding	Jam tangan

Amir ingin tidur awal kerana tidak mahu terlewat bangun. Sebelum tidur, dia menggosok gigi sehingga bersih.

penulisan – Bahagian A

Bina ayat yang lengkap berdasarkan gambar dan perkataan yang diberi.

8

1



menyiram

2



membasuh

3



mengibarkan

4



berkunjung
